

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JENERAL DATO' PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS RIANG RIA BERSAMA CANSELOR UniMAP**  
**PADA 1 MEI 2010,**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Satu Malaysia.

Mengadap, Raja Muda Perlis Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, yang juga Tuanku Canselor UniMAP serta Raja Puan Muda Perlis Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun,

Terlebih dahulu, patik bagi seluruh warga Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar

duli berangkat ke Majlis Riang Ria Bersama Canselor UniMAP pada pagi ini.

Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku pada pagi ini amat besar ertinya buat kami semua di universiti ini apatah lagi dengan perkenan Duli Tuanku berdua untuk sama-sama menyertai sesi senaman **mempertahankan diri** yang masih baru di negeri Perlis ini.

Ampun Tuanku,

Izin patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

**SALUTATION :**

Yang Berusaha Mr Yau Hwa Thin, Penyelaras

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Penyelidikan Dan Inovasi),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Akademik Dan Antarabangsa),  
Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Dekan - Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP

The ***Members From Science of Self Defence Academy, Zurich Switzerland***, Barisan atlit-atlit UniMAP, Wakil-Wakil Media, seterusnya warga Universiti Malaysia Perlis yang diraikan sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia.

**Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zhao Shang Hao, Magandang Umaga (Bahasa Tagalog), Ahroonsawad (Bahasa Thai).**

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, dapat kita bersuka ria sambil beriadah pada pagi cuti umum Hari Pekerja ini untuk ***bersenamrobik dan menyaksikan pertunjukan seni mempertahankan diri yang dibawa khas dari Switzerland ini.***

We truly appreciate the DYTMs Tuanku Chancellor idea of organizing this session. I would like to take the opportunity to welcome the self defence team member which is brought from Switzerland specially to Perlis to demonstrate and guide us in performing the Self Defence exercise which has been newly introduced in Malaysia.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Senaman merupakan satu aktiviti gaya hidup sihat yang memberikan manfaat yang cukup besar buat kita semua. Melalui aktiviti senaman, kita akan mengeluarkan peluh yang mana didalam peluh ini terkandung pelbagai kotoran seperti lemak dan kolestrol.

Apabila kita mengamalkan senaman dengan rutin dan istiqamah yang betul, ia bukan sahaja akan membantu melahirkan badan yang sihat tetapi turut memberi kesan kepada minda kerana oksigen dapat memenuhi ruang di dalam darah kita yang telah dibersihkan melalui pembuangan kotoran melalui peluh tadi.

Saat ini darah akan mendapat bekalan oksigen yang mencukupi tanpa perlu berkongsi ruang dengan kotoran-kotoran yang hanya akan memekatkan darah dan menimbulkan pelbagai kesan penyakit sampingan untuk kita.

Situasi ini bolehlah diibaratkan seperti bola atau tayar kenderaan yang keras apabila mempunyai udara yang mampat di dalamnya yang mana bola atau tayar ini merujuk kepada kekuatan tubuh kita. Cuba bayangkan, bagaimana empat biji tayar kenderaan boleh menampung sebuah

kenderaan yang dinaiki oleh 5 orang ?? Jika tayar itu diisi dengan udara yang mencukupi ia pasti mampu untuk menampung bebanan, namun jika salah satu dari tayar kenderaan itu pancit, pastinya akan menyukarkan pergerakan kereta.

Begitu juga dengan manusia, apabila kesemua salur darah mengalir dengan baik beserta oksigen yang mencukupi, akan menghasilkan fizikal dan tubuh badan yang sihat, namun jika ada saluran darah yang tidak berfungsi pastinya ada penyakit yang akan singgah dan bertandang dalam hidup kita. Maka atas sebab itu, saya amat menitik beratkan aspek senaman dalam kehidupan kita seharian.

Ladies and Gentlemen,

Antara senaman yang dapat dilakukan untuk menyihatkan tubuh badan ialah aktiviti senaman mempertahankan diri. Selain daripada pergerakan-pergerakan tangkas yang mampu mengeluarkan peluh, senaman ini juga dapat memberikan kita ilmu mempertahankan diri sebagai persiapan sekiranya terpaksa berdepan dengan musuh.

Terdapat pelbagai jenis seni mempertahankan diri di seluruh dunia ialah silat yang sinonim dengan masyarakat Melayu, tae-kwondo, judo, karate do, silambam, kungfu, martial art,

karate, kalari payat, tomoi dan pelbagai lagi yang telah sinonim dengan kita di Malaysia.

Namun pada hari ini, kita amat berbesar hati kerana dapat melihat aksi seni mempertahankan diri baru dari Switzerland dan semoga sesi pengenalan yang ditunjukkan oleh pasukan ini akan membuka minat kita warga UniMAP untuk mempelajari seni mempertahankan diri.

Ladies and Gentlemen,

In conjunction with today's gathering which is graced by the DYTM Chancellor, we would also like to launch the sports training camp. The camp is organized part of our preparation for Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti-universiti Malaysia ke-35 or SUKUM which is to be held from 16th to 26th June at USM.

UniMAP will field a total of 350 contingents in 21 events and will be led by Encik Hirwan Jasbir.

Our mission this time around is to retain the title for the third consecutive years with a target of 40 gold medals, especially in field events and bowling.

We targetted 26 gold medal from the atheletics event, 5 from bowling, and 9 more gold medal will be contributed from netball, hockey, woman futsal, men senior and veteran football, woman and men senior volleyball, takraw and mix tennis.

I would like to remind all those who are involved to fully utilize the time allocated for training and not to misuse the time off from work for other non-work nor sport related activities.

Please take good care of your health. Do the necessary and exercise and training in the correct manner in order to avoid any injury. Please do us proud.

Ladies and Gentlemen,

We are also proud to launch UniMAP SMaRT Pilot Plant which is being set up to produce products based on materials such as artifical marble and plastic crystal.

This is among UniMAP's effort in promoting Research and Development which is in tandem with the direction of KPT which is to intensify research and innovation.

Initially UniMAP has pumped in a total of RM100,000 to purchase equipment for Smart Pilot Plant. SMaRT Pilot Plant Fund has been specially set up for subsequent utilization.

At present, the pilot plant has been actively producing souvenir and gift items. Proceeds from the sale of the items will be channeled into the SMaRT pilot plant fund. Among the products which has been successfully commercialized are the Kukum artificial marble and palstic crystal based gifts sets.

Lastly, let us pray that all we have planned for, be it in sports, or research, will materialised in the national and international higher education arena.

Ampuan tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili anggota jawatankuasa dan seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada ke bawah Duli Tuanku berdua kerana sudi bercemar Duli berangkat ke Majlis Riang Ria Bersama Canselor UniMAP pada pagi ini.

Patik sudahi dengan serangkap pantun :



**Anak arab lalu sekawan,  
Singgah berehat di pohon jati,  
Akademik, penyelidikan, sukan dan kebudayaan,  
Teras kegemilangan memartabatkan universiti.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.